



**Jawab semua soalan**

1. Kebanyakan kawasan pembinaan asal tamadun China tertumpu di kawasan utara dan tenggara China. Kenapa?
  - A. Kawasan tersebut senang memperolehi bantuan dari luar.
  - B. Kawasan tersebut aman dan jauh dari ancaman manusia.
  - C. Kawasan tersebut mempunyai sungai yang membawa banjir.
  - D. Kawasan tersebut banyak mengalami kejadian ajaib.
  
2. Tamadun Huanghe juga dikenali sebagai
  - A. Tamadun Yang Shao
  - B. Tamadun Yang Tze
  - C. Tamadun Yang Kuang
  - D. Tamadun Lao Tze
  
3. Pilih kenyataan yang **TIDAK BENAR** menjelaskan aliran-aliran berikut
  - A. Konfusioneisme menekankan jen, xiao dan junzi.
  - B. Buddhisme mementingkan cara hidup yang zuhud.
  - C. Legalisme mementingkan moral sebagai pendidik utama.
  - D. Maoisme menekankan cita-cita langit dan alam ghaib.
  
4. Moisme berbeza dengan Konfusioneisme dalam aspek \_\_\_\_\_
  - A. membentuk kerajaan pemurah.
  - B. berkahang selama tiga tahun.
  - C. menekan pengamalan nilai jen.
  - D. mengemukakan doktrin kenegaraan.
  
5. Pertembungan berlaku di antara pendokong Konfusioneisme dan pendokong Legalisme pada permulaan tamadun China. Kenapa?
  - A. Pendokong Konfusioneisme lebih mengutamakan undang-undang untuk mendidik masyarakat.
  - B. Pendokong Legalisme mengutamakan peraturan dari moral.
  - C. Pendokong Legalisme mengutamakan moral dari peraturan.
  - D. Pendokong Konfusioneisme mahukan kekerasan dalam pentadbiran.

6. Doktrin Konfusianisme merangkumi aspek:

- i. Falsafah
- ii. Agama
- iii. Politik
- iv. Ekonomi

- A. i, ii, iii
- B. i, ii, iv
- C. i, iii, iv
- D. i, ii, iii, iv

done

7. \_\_\_\_\_ merupakan asas falsafah tamadun China.

- A. Daoisme
- B. Taoisme
- C. Konfusianisme
- D. Humanisme

8. Dua faktor utama yang merancakkan interaksi tamadun China dengan tamadun lain ialah:

- A. Perkahwinan dan migrasi.
- B. Migrasi dan penaklukan.
- C. Penaklukan dan perdagangan.
- D. Perdagangan dan geografi.

9. Kenyataan berikut menjelaskan tentang Konfusianisme

- i. Konfusianisme adalah doktrin kenegaraan
- ii. Konfusianisme meliputi aspek falsafah dan agama
- iii. Konfusianisme adalah himpunan tulisan klasik pujangga
- iv. Konfusianisme menekankan amalan nilai dan moral yang mulia

- A. i, ii, iii
- B. i, ii, iv
- C. i, iii, iv
- D. i, ii, iii, iv

10. Apresiasi seni dan falsafah merupakan satu aspek yang dipentingkan dalam tamadun China. Bagaimanakah ia terlaksana?

- i. mengagongkan pemikiran Konfusius
- ii. melantik pegawai yang fasih falsafah konfusanisme
- iii. mengadakan kegiatan seni untuk rakyat di istana maharaja

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii,iii
- D. i, ii, iii

11. Perkara berikut menjelaskan ciri-ciri tahap permulaan tamadun China

- i. sistem beraja terbentuk
- ii. sistem feodal diperkenalkan
- iii. penguasaan tanah berleluasa
- iv. kepercayaan kepada dewa-dewi diamalkan

- A. i, ii, iii
- B. i, ii, iv
- C. i, iii, iv
- D. i, ii, iii, iv

12. Suasana tahap moden tamadun China boleh dijelaskan dengan kenyataan berikut:

- i. tamadun kontemporari
- ii. mengalami kucar-kacir
- iii. peperangan dengan Jepun
- iv. reformasi pemikiran dan pendidikan
- v. budaya tradisi diterima tanpa soal

- A. i, ii, iii, iv
- B. i, ii, iv, v
- C. ii, iii, iv, v
- D. v sahaja

13. Semua kenyataan di bawah menjelaskan ciri-ciri istimewa tamadun China melainkan
- manusia terus sejahtera sekiranya manusia menghargai alam
  - sistem birokrasi berpunca dari amalan membahagikan tanah
  - mendalami ajaran moral konfusianisme merupakan syarat menjadi pegawai jabatan kerajaan
  - China menduduki senarai tertinggi dalam seni pembuatan tembikar
- A. i dan iv  
B. i dan iii  
C. ii, iii dan iv  
D. i, ii, iii, dan iv
14. "Tamadun China turut menerima pengaruh tamadun lain. Ia mengamalkan toleransi dan menolak dasar diskriminasi."
- Kenyataan di atas boleh menjelaskan ciri \_\_\_\_\_ dalam tamadun China.
- A. Dinamik  
B. Integratif  
C. Unifikasi  
D. Moderatif
15. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *feng-shui* dalam perhubungan harmoni di antara manusia dan alam?
- A. Air banjir  
B. Angin air  
C. Kincir Air  
D. Angin ribut
16. Apakah daya usaha para pemikir dan filosof ketika negara China berdepan dengan huru-hara?
- A. menolong pemimpin menguruskan negara menurut nilai-nilai falsafah mereka.  
B. mengajak masyarakat meninggalkan persoalan politik dan beralih kepada cara hidup zuhud dan metafizik  
C. menggulingkan maharaja dan mengambil alih kuasa pemerintahan.  
D. Membantu menggiatkan lagi peperangan untuk keamanan negara.

17. Salah seorang pengikut Konfusius telah menulis kembali ajaran-ajaran gurunya itu. Siapakah beliau dan apakah nama buku tersebut?
- A. Lao Tze dengan *Manalects*.
  - B. Mo Zi dengan *Wanalects*.
  - C. Kung fu Tze dengan *Dialects*.
  - D. Meng Tze dengan *Analects*.
18. Elemen utama menghasilkan manusia bermoral dan meningkat kualiti personaliti seseorang boleh diperolehi melalui:
- A. Pertapaan
  - B. Meditasi
  - C. Pembelajaran
  - D. Menyiksa diri
19. Dalam hierarki sosial China, hanya golongan \_\_\_\_\_ yang layak masuk ke dalam kumpulan pemerintah.
- A. pendeta
  - B. bangsawan
  - C. petani
  - D. cerdik pandai
20. Konfusius menekankan pentingnya *filial piety* atau *hsio*. Apakah yang digambarkan oleh konsep tersebut?
- A. kasih sayang ibu bapa dan ketaatan anak
  - B. kasih sayang dua insan bercinta
  - C. kasih mengasihi sesama insan
  - D. kasih sayang tuhan dan manusia
21. Konfusius mengingatkan bahawa keuntungan yang dicari dalam kegiatan ekonomi mestilah digemblengkan dengan satu sifat mulia iaitu \_\_\_\_\_
- A. Zhi
  - B. Chi
  - C. Yi
  - D. Shio

22. Aliran falsafah seperti Konfusianisme, Taoisme dan Legalisme muncul pada tahap \_\_\_\_\_ Tamadun China.
- A. pembinaan
  - B. keemasan
  - C. peralihan
  - D. moden

23. Salah satu bidang baru yang diterokai oleh orang-orang Cina pada tahap peralihan adalah

- A. seni muzik
- B. perniagaan
- C. kesusasteraan
- D. pemulihan

24. "Manusia adalah baik ketika dilahirkan dan oleh itu berpotensi untuk mencapai empat jenis sifat yang baik iaitu berperikemanusiaan, kewajaran, kesopanan dan kearifan."

Kenyataan di atas adalah dari seorang tokoh falsafah dalam Tamadun Cina iaitu

- A. Xun Zi
- B. Lao Zi
- C. Mencius
- D. Kong Fu Tze

25. Menurut kepercayaan masyarakat Cina, manusia memerlukan sebuah kehidupan harmoni dalam persekitaran semulajadi yang akan menghasilkan tuah kepada rakyat. Kenyataan ini berdasarkan konsep

- A. Ren
- B. Junzi
- C. Yin Yang
- D. Feng Shui

26. Tiga agama yang dominan di dalam Tamadun China adalah
- A. Konfusianisme, Taoisme dan Islam
  - B. Taoisme, Islam dan Kristian
  - C. Konfusianisme, Islam dan Kristian
  - D. Taoisme, Buddhisme dan Kristian
27. Masyarakat Cina tradisi dibahagikan kepada empat kelas utama iaitu
- i. Golongan cerdik pandai
  - ii. Golongan petani
  - iii. Golongan tukang
  - iv. Golongan pentadbir
  - v. Golongan peniaga
- A. I,ii,iii dan iv
  - B. Ii, iii, iv dan v
  - C. I, iii, iv dan v
  - D. I,ii,iii dan v
28. Ia adalah “ekspresi jantung manusia” dan dirujuk kepada sifat kemanusiaan yang dilakukan atas dasar simpati dan persahabatan antara manusia. Konsep yang dimaksudkan adalah.
- A. Yi
  - B. Chi
  - C. Junzi
  - D. Ren
29. Sistem keluarga merupakan asas bagi sistem sosial di negeri China. Antara berikut yang manakah BUKAN hubungan asas yang terdapat dalam tradisi budaya Cina ?
- A. Bapa dan anak
  - B. Raja dan rakyat
  - C. Majikan dan pekerja
  - D. Suami dan isteri

30. “ Sistem politik ini mementingkan undang-undang dan menganjurkan kuasa dan ilmu ketatanegaraan sebagai asas yang penting di dalam kerajaan.”
- A. Feudal
  - B. Imperial
  - C. Republik
  - D. Legalisme
31. Sistem peperiksaan awam (SPA) merupakan saluran terpenting untuk melantik pegawai-pegawai awam. Yang manakah benar di antara kombinasi berikut?
- A. Daerah-Chu Jen
  - B. Wilayah-Chu Jen
  - C. Metropolitan-untuk mendapat kedudukan yang tinggi dalam kerajaan
  - D. Istana-Kung Shing
32. Jalan yang digunakan bagi menghubungkan negara islam dengan China dalam urusan perdagangan adalah melalui Khurasan, Samarkand, Sinkiang hinggalah ke Peking. Jalan ini dikenali sebagai
- A. Jalan laut
  - B. Jalan darat
  - C. Jalan sutera
  - D. Jalan sejahtera
33. Konsep “Lima Hubungan” dalam tamadun China adalah seperti berikut KECUALI
- A. bapa dengan anak
  - B. raja dan menteri
  - C. suami dengan isteri
  - D. datuk dengan cucu
34. Penduduk awal Jepun di kenali sebagai:
- A. Shoki
  - B. Kojili
  - C. Ainu
  - D. Heian

35. Dalam zaman manakah masyarakat Jepun mencapai kemajuan dalam bidang sosial dan reformasi politik.
- A. Zaman Nara
  - B. Zaman Kofun dan Asuka
  - C. Zaman Ashikaga
  - D. Zaman Kamakura
36. .Susunan kelas sosial di zaman Tokugawa adalah seperti berikut:
- A. Tokugawa, Daimyo, Samurai, petani dan peniaga
  - B. Daimyo, samurai, peniaga, tukang dan petani
  - C. Daimyo, samurai, petani, tukang dan peniaga
  - D. Samurai, Tokugawa, daimyo, dan peniaga
- 37..Asal-usul tamadun Jepun dikaitkan dengan dewa-dewa. Pandangan ini dikemukakan oleh:
- A. Kajian sosiologi
  - B. Kajian antropologi
  - C. Catatan mitologi
  - D. Catatan Komatsu
38. .Agama Kristian mula diperkenalkan di Jepun pada
- A. abad ke-6
  - B. abad ke-16
  - C. abad ke-17
  - D. abad ke-18
- 39..Apakah yang dimaksudkan dengan *kami*
- A. pahlawan samurai
  - B. dewa shinto
  - C. teknik ramalan dan penyembahan
  - D. pemimpin perayaan di Jepun

40. Pada zaman pemerintahan \_\_\_\_\_ negara Jepun telah mencapai kestabilan dan keamanan politik selama kira-kira 200 tahun.
- A. Maharaja Yamato
  - B. Syogun Tokugawa
  - C. Maharaja Meiji
  - D. Saigo Takomori
41. Badan perundangan di negara Jepun dikenali sebagai
- A. Yedo
  - B. Fudai
  - C. Toikoku Gikai
  - D. Sarkin Kotai
42. Pada tahun 1918 satu perubahan telah berlaku di Jepun. Perubahan yang dimaksudkan ialah \_\_\_\_\_.
- A. kadar cukai telah diturunkan kepada 10 yen.
  - B. Syarat membayar cukai oleh calon pilihanraya telah dimansuhkan.
  - C. Kerajaan berparlimen berasaskan parti telah bermula.
  - D. Perpindahan pusat pemerintahan dari Kobe ke Tokyo.
43. Antara kandungan perjanjian Jepun dan Amerika Syarikat dalam tahun 1858 ialah \_\_\_\_\_.
- i. pengharaman perdagangan candu di Jepun.
  - ii. penempatan seorang konsul Amerika di Jepun.
  - iii. layanan terhadap kelas Amerika yang tersadai di pantai kepulauan Jepun.
  - iv. kebebasan bagi orang asing mengamalkan agama masing-masing.
- A. i sahaja
  - B. i dan iii
  - C. i dan iv
  - D. i, ii dan iii

44. Salah satu perubahan yang di buat oleh maharaja Meiji dalam tahun 1871 ialah
- A. memperkenalkan sistem pendidikan moden
  - B. pengharaman sistem feodal
  - C. menubuhkan kementerian perusahaan
  - D. mengekalkan status quo masyarakat Jepun
45. Masjid yang pertama di Jepun telah didirikan pada tahun 1935 di
- A. Tokyo
  - B. Kobe
  - C. Hokaido
  - D. Kyushu
46. Zaman pemerintahan Yamato juga dikenali sebagai zaman
- A. Kubur Besar
  - B. Raja Agung
  - C. Krisis nasional atau pemberontakan
  - D. Peraliha
47. Pendapat yang mengatakan bahawa sesuatu tamadun tidak mampu bertahan lebih dari tiga keturunan di kemukakan oleh\_\_\_\_\_.
- A. Arnold Toynbee
  - B. C. Coedes
  - C. Ibn Khaldun
  - D. Helmut Schmidt
48. Berikut adalah ciri-ciri yang perlu ada pada sesuatu tamadun untuk berinteraksi **KECUALI**
- A. bersifat terbuka
  - B. tolak ansur
  - C. kesediaan masyarakat dalaman menerima perubahan
  - D. statik

49. Sistem ekonomi yang mula wujud dalam persekitaran masyarakat tradisional ialah
- A. kapitalis
  - B. sosialis
  - C. cukup hidup
  - D. sistem campuran
50. Barat telah mengkategorikan dunia ini kepada \_\_\_\_\_ peringkat mengikut jurang perbezaan ekonomi.
- A. dua
  - B. tiga
  - C. empat
  - D. tiada jawapan yang betul
51. Perang Salib yang berlaku di antara Kristian dan Islam adalah bermotifkan
- A. Gold, Gospel dan Glory
  - B. Gospel, Gold dan Glory
  - C. Glory, Gold dan Gospel
  - D. Gospel, Glory dan Gold
52. Pemberontakan \_\_\_\_\_ yang berlaku di Jepun dalam tahun 1637 telah memaksa kerajaan Jepun pada masa itu memutuskan hubungan dengan dunia luar.
- A. Sayembara
  - B. Shimbara
  - C. Candu
  - D. Sinambara
53. Teori ini selalu digunakan oleh orang-orang Barat dalam menyebarkan pengaruh mereka ke atas masyarakat lain
- A. yellow peril
  - B. the white man burden
  - C. close community/society
  - D. sivil society

54. “Manusia di Barat menggunakan kepandaian sains untuk berkuasa dan merosakan dunia,.....” Pendapat ini telah di utarakan oleh \_\_\_\_\_
- A. Siddiq Fadhil
  - B. Roger Garaudy
  - C. Khurshid Ahmad
  - D. Snouck Hurgronje
55. Falsafah pendidikan yang mempunyai unsur-unsur tradisional dan juga progresif di kenali sebagai
- A. Sekularisme
  - B. Elektisisme
  - C. Reformisme
  - D. Globalisasi
56. Universiti \_\_\_\_\_ merupakan universiti moden yang pertama dibangunkan di Jepun pada tahun 1887.
- A. Tokyo
  - B. Soheiko
  - C. Kaiseiho
  - D. Numazu Hei Gakko
57. Zaman \_\_\_\_\_ dikatakan sebagai zaman di mana bermulanya hubungan antara Jepun dengan tamadun Barat secara langsung.
- A. Yamato
  - B. Tokugawa
  - C. Meiji
  - D. Bakafu
58. Perkembangan awal teknologi dalam masyarakat manusia melalui tiga tahap iaitu
- A. Paleolitik, neolitik dan mesolitik
  - B. Mesolitik, neolitik dan paleolitik
  - C. Peleolitik, mesolitik dan neolitik
  - D. Mesolitik, paleolitik dan neolitik

59. Anggota dewan perwakilan rakyat dalam badan perundangan Jepun sebenarnya tidak mewakili rakyat kebanyakan tetapi lebih mewakili kaum\_\_\_\_\_.

- A. bangsawan
- B. feudal
- C. imperial
- D. samurai

60. Bidang seni lukis dan seni ukir di Jepun telah dipopularkan pada zaman

- A. Kamakura
- B. Ashikura
- C. Tokugawa
- D. Meiji

61. Tulisan yang digunakan untuk menyelaraskan pnterjemahan kitab-kitab Buddha yang diambil dari negara China ke dalam bahasa Jepun ialah:

- A. Kanji
- B. Mnemonik
- C. Katakana
- D. China

62. Jepun merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama. Nyatakan agama masyarakat pribumi Jepun.

- A. Buddha
- B. Toaisme
- C. Shinto
- D. Jimmu

63. Jepun juga dikenali sebagai Nippon atau Nihon. Apakah maksud perkataan tersebut ?

- A. Tanah matahari terbit
- B. Bulatan merah
- C. Merahnya Matahari
- D. Negara matahari terbenam

64. Pulau \_\_\_\_\_ merupakan pulau yang terbesar meliputi kira-kira 60 % daripada keluasan keseluruhan Jepun

- A. Honshu
- B. Hokkaido
- C. Kyusu
- D. Shikoku

65. Status wanita dalam masyarakat Jepun adalah tinggi sebelum ajaran .....diperkenalkan.

- A. Buddha
- B. Konfusius
- C. Shinto
- D. Kristian

66. Kenyataan di bawah adalah berkenaan dengan ciri-ciri masyarakat Jepun  
KECUALI

- A. Masyarakat Jepun merupakan sebuah masyarakat yang “homogeneous”
- B. Mempunyai sikap menjunjung tinggi kepada budaya ilmu
- C. Mempunyai sikap positif terhadap perkerjaan.
- D. Tidak mempunyai sifat ingin bersaing dalam kehidupan

67. Jepun juga dikenali sebagai berikut KECUALI

- A. Nihon
- B. Niphon
- C. Nippon
- D. Jepang

68. Pandangan semesta masyarakat Jepun adalah berasaskan kepada beberapa falsafah keagamaan utama iaitu

- I. Shinto
- II. Buddha
- III. Konfusianisme
- IV. Taoisme

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II dan III
- D. Semua

69. \_\_\_\_\_ memberi kesan yang besar kepada pola kehidupan masyarakat Jepun.

- A. Sistem politik
- B. Sistem ekonomi
- C. Budaya masyarakat setempat
- D. Pertukaran musim

70. Apakah maksud Shinto ?

- A. Tuhan
- B. Roh dan semabgat
- C. Jalan Tuhan-tuhan
- D. Dewa-dewi

71. Orang Eropah pertama yang tiba di Jepun adalah

- A. Perancis
- B. Amerika
- C. Rusia
- D. Portugis

72. Menurut pendapat ahli antropologi penduduk awal yang mendiami kepulauan Jepun adalah masyarakat

- A. Mongoloid
- B. China
- C. Korea
- D. Ainu

73. Melalui mitos asal-usul negara jepun, kita dapat mengetahui bahawa dewa-dewi mempunyai kaitan dengan bangsa mereka. Di antara dewa-dewi berikut yang manakah mempunyai kaitan dengan Jepun?

- I. Dewi matahari
- II. Dewa ribut
- III. Dewa angin
- IV. Dewa api
- V. Dewa bulan

- A. I dan III
- B. I dan II
- C. I dan IV
- D. I dan V

74. \_\_\_\_\_ merupakan zaman pra-sejarah bagi tamadun Jepun manakala \_\_\_\_\_ pula merupakan zaman transisi dari Jepun tradisi kepada pemodenan Jepun.

- A. Zaman Yayoi- zaman Keshogunan Tokugawa
- B. Zaman Jomon-Era Meiji
- C. Zaman Jomon-Era Heisei
- D. Zaman Yayoi-Zaman Sengoku Jidai

75. Menurut Ibn Khaldun, sesuatu dinasti tidak mampu bertahan lebih daripada \_\_\_\_\_ dilihat dari segi kekuasaan.

- A. 1 generasi
- B. 2 generasi
- C. 3 generasi
- D. 4 generasi

76. "Jatuh bangun sesuatu tamadun dalam masyarakat manusia bergantung kepada sejauh mana masyarakat itu mampu memberi reaksi terhadap cabaran mendatang".

( A Study of History)

Siapakah yang mengeluarkan kenyataan ini ?

- A. Arnold Toynbee
- B. H.A.R Gibb
- C. Ibn Khaldun
- D. Francis Fukuyama


77. "Pertembungan atau interaksi antara 2 tamadun ini secara paksa atau sukarela telah memberi perubahan dalam gaya hidup, cara berkerja, tempat tinggal serta konflik baru dalam sistem ekonomi, sosial dan politik".

Kenyataan ini merujuk kepada pertembungan antara :

- A. Tamadun Islam dan tamadun Barat
- B. Tamadun India dan tamadun Islam
- C. Tamadun China dan tamadun Jepun
- D. Tamadun Islam dan tamadun Jepun

78. Tamadun Islam dan tamadun Asia menerima \_\_\_\_\_ sebagai agen pembangunan dan perkembangan peradaban.

- A. sumber asli
- B. ilmu
- C. teknologi
- D. kekuasaan



Jawapan telah  
dibahaskan.

79. Secara umumnya sesuatu masyarakat yang kuat ekonominya adalah juga masyarakat yang kuat \_\_\_\_\_

- A. pengaruhnya
- B. politiknya
- C. sosialnya
- D. pendidikannya

80. Kebanyakan tamadun yang ada menjadikan agama sebagai asas perkembangan tamadun mereka kecuali
- A. Tamadun India
  - B. Tamadun Jepun
  - C. Tamadun Melayu
  - D. Tamadun Barat
81. Mengikut pandangan barat, agama adalah sebagai
- A. pencorak tamadun sepanjang zaman
  - B. penentu di antara yang benar dan yang batil
  - C. penyebab kepada kemunduran sesebuah tamadun
  - D. sebahagian daripada kebudayaan, ia berubah dan berkembang serta merosot mengikut peredaran masa
82. Perang Salib ( 1096-1273 M ) antara Barat dengan Islam adalah bermotifkan
- A. agama
  - B. ekonomi
  - C. politik
  - D. perkauman
83. Sarjana ini berpendapat bahawa orang-orang yang menyekat hawa nafsu seksnya akan dihindangi penyakit jiwa, maka oleh sebab itu mestilah dipuaskan nafsu seksnya untuk kesejahteraan jiwa.
- A. Francis Bacon
  - B. Sigmund Freud
  - C. Kung Fu Tze
  - D. Plato
84. Cabaran globalisasi sentiasa menghantui masyarakat dunia, perkara ini telah dibincangkan dalam satu \_\_\_\_\_ di Havana tahun lepas.
- A. Sidang Kemuncak Komenwel
  - B. Sidang Kemuncak Negara Berkecuali
  - C. Sidang kemuncak Negara Membangun
  - D. Sidang kemuncak Negara Eropah

85. Di Amerika dan Eropah pernah kedengaran istilah “ *yellow peril*” ( bahaya kuning). Secara khusus istilah ini merujuk kepada
- A. China
  - B. Jepun
  - C. India
  - D. Melayu
86. Di India, pihak British cuba menerapkan konsep *British in thinking and stand, but Indian in blood*. Konsep ini merujuk kepada
- A. penjajahan pemikiran
  - B. penjajahan fizikal
  - C. perang saraf
  - D. bangsa baru di India
87. Perang salib antara Islam dan barat berlaku selama lebih kurang \_\_\_\_\_ tahun.
- A. 200
  - B. 300
  - C. 400
  - D. 500
88. \_\_\_\_\_ merupakan cara paling berkesan untuk menguasai sesebuah masyarakat.
- A. pendidikan
  - B. ekonomi
  - C. diplomasi
  - D. teknologi

89. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh tamadun manusia menuju abad ke 21?

- I. globalisasi
- II. sekularisme
- III. kemiskinan
- IV. alam sekitar

- A. I sahaja
- B. I dan II
- C. I dan III
- D. Semua

90. Apakah unsur utama yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan interaksi peradaban ?

- A. sosio-budaya
- B. pendidikan
- C. ekonomi
- D. kepimpinan

91. Tamadun barat dikatakan telah membawa nilai-nilai yang merosakkan kepada tamadun dunia yang lain. Apakah unsur utama yang membawa kepada situasi tersebut ?

- A. ekonomi
- B. politik
- C. budaya
- D. sejarah

92. Sekularisme bermula di \_\_\_\_\_

- A. Britain
- B. Sepanyol
- C. Belanda
- D. Perancis

93. Fahaman berikut datangnya dari barat KECUALI

- A. Humanisme
- B. Sosialisme
- C. Liberalisme
- D. Zionisme

94. “ Politeisme-henotheisme-monoteisme”

Pergerakan di atas merupakan satu evolusi dalam aspek \_\_\_\_\_

- A. Agama
- B. Kejadian manusia
- C. Ekonomi
- D. Keluarga

95. Penggunaan kuasa \_\_\_\_\_ adalah kaedah paling dominan yang digunakan untuk menguasai sesuatu masyarakat.

- A. militari
- B. politik
- C. ekonomi
- D. sosial

96. Hedonisme merupakan satu aliran yang menjurus kepada

- A. pemujaan nafsu
- B. pemujaan akal
- C. pemujaan tuhan
- D. pemujaan hartabenda

97. Perkara berikut sering dikaitkan dengan globalisasi KECUALI

- A. teknologi maklumat
- B. teknologi komunikasi
- C. dunia tanpa sempadan
- D. negara bangsa

98. Dunia yang hanya dikuasai satu sahaja kuasa besar seperti sekarang dikenali sebagai
- A. unipolar
  - B. dwipolar
  - C. pola-pola
  - D. negara polis
99. Siapakah penulis artikel yang bertajuk “ The Clash of Civilisation” ?
- A. Samuel Huntington
  - B. Simon Huntington
  - C. George Washington
  - D. Bill Clinton
100. “ Abad ke 21 dan seterusnya merupakan abad Islam mendominasi Eropah”  
Siapakah yang meramalkan sedemikian ?
- A. Bernard Shaw
  - B. Prince Charles
  - C. Andrew Rippin
  - D. Peter Drucker